



## PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 8 TAHUN 2015

---

### PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGURUSAN KAWASAN HUTAN MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN YANG TINGGI (HCVF) DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) DI SEMENANJUNG MALAYSIA

#### 1. LATAR BELAKANG

Penubuhan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVF) merupakan satu keperluan pensijilan pengurusan hutan dibawah Kriteria dan Petunjuk untuk Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia (Hutan Asli) *Malaysian Criteria & Indicators for Forest Management Certification (MC&I (Natural Forest))*. Di bawah Prinsip 9 MC&I (Hutan Asli) Unit Pengurusan Hutan perlu menubuh dan menyenggara kawasan hutan yang mempunyai nilai pemeliharaan yang tinggi.

Dalam konteks panduan ini, HCVF ditakrifkan sebagai suatu kawasan hutan yang mempunyai nilai ekonomi, nilai persekitaran dan sosial, serta kawasan hutan yang dianggap luar biasa atau sangat tinggi tahap kepentingan nilainya dan dikategorikan sebagai kawasan hutan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Satu panduan yang kemas, teratur dan seragam perlu disediakan bagi membantu Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) untuk menubuh dan menguruskan kawasan HCVF dalam HSK.

#### 2. SKOP

Panduan ini menggariskan kaedah menubuh dan menguruskan kawasan HCVF dalam HSK untuk digunakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri.

### **3. OBJEKTIF**

Objektif panduan ini adalah seperti berikut:

- a) Untuk menyeragamkan kaedah penubuhan dan pengurusan kawasan HCVF dalam HSK di Semenanjung Malaysia; dan
- b) Untuk memenuhi keperluan pensijilan pengurusan hutan MC&I (Hutan Asli)

## **4. KADEAH PENUBUHAN DAN PENGURUSAN KAWASAN HCVF**

### **4.1. Kriteria Penentuan Kawasan HCVF**

Penentuan kawasan HCVF adalah berdasarkan ciri-ciri yang didefinisikan dalam MC&I (Hutan Asli) seperti berikut:

#### **4.1.1. Nilai Kepelbagaian Biologi**

Kawasan-kawasan hutan yang mengandungi penumpuan nilai-nilai kepelbagaian biologi yang tinggi pada peringkat global, serantau dan nasional dan atau hutan-hutan pada peringkat landskap yang besar, di dalamnya mengandungi unit pengurusan, di masa kebanyakan atau semua populasi yang mampu hidup sendiri ditemui dalam bentuk semulajadi berdasarkan kepada penyebaran dan kuantitinya yang banyak.

Nilai kepelbagaian biologi di dalam panduan ini merujuk kepada kepentingan flora dan fauna.

##### **a) Kepentingan Flora**

Kepentingan flora merujuk kepada spesies flora dalam kategori sangat terancam (*Critically endangered*) dan endemik yang mana taburannya hanya terdapat di kawasan tertentu sahaja.

##### **b) Kepentingan Fauna**

Kawasan HCVF untuk kepentingan fauna hendaklah mempunyai mana-mana satu atau lebih ciri-ciri kepentingan biologi yang istimewa seperti berikut:

- Kubang badak;
- Jenut semulajadi;
- Kawasan persinggahan burung hijrah;
- Kawasan bersarang burung Enggang; dan
- Gua-gua bagi habitat kelawar.

Maklumat ciri-ciri kepentingan biologi yang istimewa boleh diperolehi melalui kerjasama dengan agensi-agensi lain yang berkaitan.

#### 4.1.2. Ekosistem

Kawasan hutan yang mempunyai ekosistem yang jarang ditemui, terancam atau berada dalam keadaan bahaya. Maklumat status ekosistem boleh berpandukan kajian saintifik dan penulisan ilmiah yang telah diterbitkan.

#### 4.1.3. Perkhidmatan Alam Semulajadi

Kawasan-kawasan hutan yang menyediakan perkhidmatan asas alam semulajadi dalam situasi kritikal. Dalam konteks panduan ini, perkhidmatan alam semulajadi merangkumi perkara berikut:

##### a. Kawalan Hakisan

Mana-mana kawasan hutan yang telah dikenalpasti berpotensi menyebabkan hakisan tanah yang kritikal.

##### b. Penghalang Kebakaran

Mana-mana kawasan khusus yang boleh bertindak sebagai penghalang untuk memberikan perlindungan hutan, terutamanya hutan-hutan yang tinggi nilai pemuliharaannya daripada

kebakaran, di kawasan-kawasan yang umumnya mudah terbakar dan mungkin mengakibatkan kesan yang sangat teruk.

#### 4.1.4. Keperluan Asas Masyarakat Tempatan

Kawasan-kawasan hutan yang membekalkan keperluan asas masyarakat tempatan dan/atau secara kritikal kepada identiti budaya masyarakat tempatan. Dalam konteks panduan ini, keperluan asas dan identiti budaya masyarakat tempatan merangkumi perkara berikut:

- a. Kawasan takungan air bagi bekalan air masyarakat yang diperlukan oleh masyarakat setempat yang tinggal bersebelahan dengan kawasan HSK. Maklumat status kawasan bolehlah diperolehi daripada Pejabat Kesihatan Daerah/Negeri.
- b. Kawasan hutan yang sangat penting kepada budaya, ekologi dan aktiviti keagamaan sesuatu komuniti tempatan untuk sekian lama dan tidak boleh digantikan dengan alternatif dan/atau yang akan menyebabkan perubahan kebudayaan yang mendadak dalam komuniti tersebut (contoh: tanah perkuburan atau tempat suci).

### 4.2. Proses Pemilihan Kawasan HCVF

Proses pemilihan kawasan HCVF perlu melalui beberapa peringkat sepertimana berikut:

#### 4.2.1. Mengenalpasti Kawasan

Pegawai Hutan Daerah hendaklah mengenalpasti kawasan HCVF berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada sumber-sumber berikut:

- a. Inventori Hutan Nasional;
- b. Inventori Hutan Sebelum/Selepas Tebangan;
- c. Ekspedisi Saintifik;

- d. Bancian dan soal selidik yang dijalankan kepada masyarakat berhampiran/tempatan;
- e. Pengalaman kakitangan dan *stakeholder* lain;
- f. Nasihat daripada pakar dari pelbagai organisasi/agensi; dan
- g. Laporan-laporan bercetak.

#### 4.2.2. Pemeriksaan Kawasan Cadangan HCVF

Pegawai Hutan Daerah hendaklah menjalankan pemeriksaan kawasan bagi memastikan kawasan tersebut memenuhi kriteria penentuan HCVF seperti di para 4.1. Format laporan pemeriksaan kawasan cadangan adalah seperti di Lampiran I. Pemeriksaan ini meliputi pengumpulan maklumat kawasan seperti berikut:

- a. Status kawasan;
- b. Keluasan kawasan;
- c. Koordinat lokasi;
- d. Keadaan kawasan;
- e. Jenis hutan;
- f. Ciri-ciri HCVF;
- g. Perhubungan;
- h. Gambar-gambar;
- i. Pelan lakar; dan
- j. Maklumat-maklumat lain.

#### 4.2.3. Penilaian Maklumat dan Pemetaan Kawasan

Pegawai Hutan Daerah hendaklah membuat penilaian kesesuaian kawasan berdasarkan maklumat yang diperolehi semasa pemeriksaan kawasan. Pelan kawasan perlu disediakan bagi menunjukkan lokasi, bentuk, keluasan dan ciri-ciri yang berkaitan. Laporan penilaian hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Perhutanan Negeri yang meliputi perkara berikut:

- a. Maklumat kawasan;

- b. Kriteria penentuan kawasan HCVF;
- c. Pelan;
- d. Gambar; dan
- e. Ulasan dan syor.

#### 4.2.4. Perundingan dengan Pihak Berkepentingan

Pengarah Perhutanan Negeri perlu menjalankan proses perundingan dengan pihak yang berkepentingan bagi mendapat maklum balas dan pandangan ke atas cadangan penubuhan kawasan HCVF.

### 4.3. Penubuhan Kawasan HCVF

#### 4.3.1. Penentuan Keluasan Kawasan HCVF

Keluasan kawsan hendaklah mengikut keperluan fungsi dan maksud penubuhan sesuatu kawasan HCVF

#### 4.3.2. Penomboran HCVF

Nombor siri HCVF ini diberi bermula dengan kod negeri masing-masing dan seterusnya diikuti dengan kriteria penentuan HCVF yang ditubuhkan.

Kod penomboran HCVF adalah berdasarkan kriteria penentuan kawasan HCVF seperti berikut:

- B (Nilai Kepelbagai Biologi)
- E (Ekosistem)
- P (Perkhidmatan Alam Semulajadi)
- K (Keperluan Asas Masyarakat Tempatan)

Kaedah penomboran kawasan HCVF adalah seperti di Lampiran II.

#### 4.3.3. Penandaan Sempadan

Sempadan kawasan HCVF hendaklah disediakan seperti berikut:

- a. Lebar sempadan adalah dua (2) meter bagi sempadan antara kompartmen dan tiga (3) meter untuk sempadan luar Hutan Simpan.
- b. Semua pokok di atas sempadan berdiameter paras dada Scm dan ke bawah hendaklah dipotong seberapa rapat ke paras tanah.
- c. Semua bahagian pokok seperti ranting, dahan dan lain-lain yang terdapat di atas sempadan hendaklah dipotong dan dibersihkan.
- d. Semua pokok yang ditebang dan bahagian-bahagian pokok yang dipotong hendaklah dilonggokkan di tepi sempadan sebelah luar kawasan HCVF.
- e. Pokok-pokok yang berdiameter paras dada 15cm di sepanjang kelarian sempadan hendaklah ditanda dengan dua (2) gelangan cat kuning jarak di antara setiap pokok yang ditanda hendaklah tidak melebihi 20m.
- f. Sekiranya sempadan kawasan adalah merupakan sempadan luar kompartmen atau subkompartmen HSK, sempadan tersebut hendaklah juga ditandakan dengan gelangan cat merah seperti berikut:
  - tiga (3) gelangan bagi sempadan luar HSK;
  - dua (2) gelangan bagi sempadan kompartmen; dan
  - satu (1) gelangan bagi subkompartmen.
- g. Jika di atas sempadan berkenaan tidak terdapat pokok yang berdiameter paras dada melebihi 15cm, sebahagian pokok yang lebih kecil hendaklah ditinggalkan daripada ditebas supaya penandaan gelangan cat boleh dibuat pada pokok-pokok tersebut atau penandaan juga boleh dibuat pada batu jika terdapat di situ.
- h. Setiap penjuru sempadan hendaklah dipasang dengan tiang sempadan. Contoh pemasangan tiang sempadan adalah seperti di

### Lampiran III.

- i. Spesifikasi mengenai tiang sempadan adalah seperti berikut:
  - diperbuat daripada kayu jenis Chengal, Merbau atau kayu keras berat lain berukuran 15cm x 15cm x 1.5m;
  - hujung sebelah atas diruncing empat penjuru dan di bawah bahagian yang diruncing dipaku kepingan aluminium berukuran 6cm x 10cm x 2mm bertulis (*emboss*) dengan nombor HCVF seperti di Lampiran IV; dan
  - ditanda dengan bilangan gelangan cat merah seperti pokok sempadan.

#### 4.3.4. Zon Penampan HCVF

Bagi setiap kawasan HCVF yang ditubuhkan, satu zon penampan yang masih berhutan tidak kurang dari 20m di sepanjang sempadan kawasannya perlu dikekalkan.

Sempadan zon penampan ini tidak perlu ditanda di atas tanah tetapi memadai dengan satu lakaran di atas pelan kawalan di setiap Pejabat Hutan Daerah dan Renj Hutan.

Sebarang aktiviti di dalam kawasan zon penampan ini adalah dilarang.

#### 4.3.5. Papan Tanda

Papan tanda jika perlu diletakkan di tempat yang bersesuaian dengan mengambilkira perkara-perkara seperti berikut:

- a. Diletakkan di tempat yang strategik seperti dipersimpangan jalan masuk menuju ke kawasan HCVF; dan
- b. Hendaklah mengandungi maklumat-maklumat seperti Nama HSK, Nombor Kompartmen, Nombor Warta HSK, Keluasan, Tahun Penubuhan, Nombor HCVF dan ciri-ciri istimewa yang terdapat di dalam kawasan HCVF. (Rujuk Lampiran V)

c. Spesifikasi papan tanda hendaklah mengambilkira perkara berikut:

- Latar belakang warna kuning (*INCA Yellow* atau setara dengannya)
- Tulisan warna hitam
- Jabatan Perhutanan Negeri
- Ukuran saiz 180cm x 80cm
- Tinggi 2m dari aras tanah

#### **4.4. Pengurusan Kawasan HCVF**

4.4.1. Pengurusan kawasan HCVF didokumentari dalam Rancangan Pengurusan Hutan Negeri (RPH).

Kawasan HCVF perlu diuruskan secara spesifik bagi memastikan pengekalan dan pemeliharaan ciri-ciri asalnya. Bagi tujuan tersebut JPN hendaklah memastikan komponen pengurusan kawasan HCVF dimasukkan dalam Rancangan Pengurusan Hutan Negeri (RPH) dengan mengambilkira perkara seperti berikut:

- a. Penandaan lokasi HCVF dalam peta RPH;
- b. Keterangan mengenai HCVF;
- c. Perancangan pengurusan kawasan HCVF;
- d. Preskripsi-preskripsi pengurusan untuk mengekal dan mempertingkatkan sifat-sifat HCVF; dan
- e. Penemuan yang relevan dari aktiviti-aktiviti pemantauan HCVF perlu dimasukkan dalam penyemakan semula Rancangan Pengurusan Hutan.

4.4.2. Pemantauan Secara Berkala

Pencerobohan dan ancaman ke atas kawasan HCVF hendaklah dicegah bagi memastikan keselamatan dan keutuhan kawasan dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- a. Pengenalpastian dan ancaman dan langkah mengatasinya;
- b. Rondaan dan pemantauan; dan
- c. Pemeriksaan sepanjang sempadan.

Laporan pemeriksaan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang seperti di Lampiran VI. Laporan ini hendaklah disimpan di Pejabat Hutan Daerah dan satu salinan hendaklah dihantar kepada Jabatan Perhutanan Negeri dan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM).

#### 4.4.3. Identifikasi

Identifikasi dilaksanakan bagi kawasan HCVF yang mempunyai ciri-ciri biodiversiti di mana pokok-pokok atau tumbuhan yang berkenaan akan dilabel dengan menggunakan label plastik yang memaparkan nama tempatan dan nama saintifik.

#### 4.4.4. Penilaian Tahunan Ciri-Ciri HCVF

Penilaian tahunan perlu dijalankan untuk menilai dan merekodkan perubahan fizikal kepada parameter yang berkaitan dengan ciri-ciri HCVF. Contohnya bagi HCVF di bawah ciri Nilai Kepelbagai Biologi (NKB), penilaian dari segi tumbesaran dan kematian spesies yang dipelihara perlu dijalankan.

#### 4.4.5. Penyimpanan Rekod

HCVF hendaklah disimpan, disenggara dan dikemaskini di Jabatan Perhutanan Negeri dan Pejabat Hutan Daerah.

Sebarang perubahan atau maklumat baru yang dikesan oleh Pejabat Hutan Daerah bagi sesuatu HCVF hendaklah direkodkan dan dimaklumkan kepada Pengarah Perhutanan Negeri. Rekod HCVF adalah terdiri daripada:

- a. Ringkasan maklumat mengenai kawasan HCVF seperti format di Lampiran VII (satu salinan ringkasan ini hendaklah juga disimpan oleh Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM);
- b. Pelan berskala 1:5000 yang menunjukkan maklumat dan aktiviti yang terdapat di dalamnya beserta pelan petunjuk berskala 1:50 000;
- c. Laporan pemeriksaan;
- d. Maklumat kajian dan penyelidikan yang dijalankan; dan
- e. Maklumat lain yang berkaitan.

Setiap HCVF hendaklah ditunjukkan dalam peta operasi hutan di Jabatan Perhutanan Negeri, Pejabat Hutan Daerah dan Pejabat Renj Hutan.

#### 4.4.6. Penyelenggaraan Kawasan HCVF

Penyelenggaraan kawasan HCVF perlu dilaksanakan secara berkala seperti berikut:

- a. Pembersihan sempadan HCVF sekurang-kurangnya setahun sekali;
- b. Pemeriksaan ke atas setiap kawasan HCVF sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun untuk meninjau keadaan kawasan tersebut dan untuk mengelak berlakunya sebarang pencerobohan;
- c. Pemeriksaan papan tanda dan menanda semula pokok-pokok yang telah diidentifikasi (jika perlu); dan
- d. Laporan hendaklah disediakan bagi setiap pemeriksaan yang dijalankan dengan menggunakan borang Laporan Pemeriksaan Kawasan HCVF. Tindakan susulan sewajarnya perlu dilakukan sekiranya terdapat sebarang kerosakan/permasalahan ke atas kawasan HCVF.

## **5. KESIMPULAN**

Panduan ini akan membantu Jabatan Perhutanan Negeri untuk mengenalpasti kawasan HCVF yang berpotensi untuk dikelas sebagai HCVF dan diuruskan secara sistematik bagi memastikan HCVF ini kekal terpelihara.

## **6. TARIKH KUAT KUASA**


Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan terpakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT”**

**“1MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATO' SRI DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ ABD. RAHIM)**

Ketua Pengarah Perhutanan

Semenanjung Malaysia

Bertarikh: 28 Februari 2015

**FORMAT LAPORAN PEMERIKSAAN KAWASAN CADANGAN  
HUTAN MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN YANG TINGGI (HCVF)**

---

Laporan ini hendaklah disediakan oleh Pegawai Hutan Daerah atau Penolongnya

---

1. Tarikh Lawatan: .....
2. No. Kompartmen dan Nama HSK serta Koordinat; .....
3. Keluasan: .....
4. Keadaan Kawasan: .....
5. Ketinggian: .....
6. Jenis Hutan: .....
7. Keterangan mengenai komposisi spesies utama: .....
8. Ciri-ciri istimewa: .....
9. Keadaan saliran (tandakan juga di atas pelan): .....
10. Petak-petak penyelidikan atau kajian sedia ada yang terdapat di dalamnya:  
.....
11. Potensi kawasan ini dijalankan sesuatu penyelidikan yang berfaedah:  
.....
12. Perhubungan: .....
13. Objektif yang disyorkan bagi penubuhan HCVF ini: .....
14. Syor/cadangan termasuk lampiran bergambar dan pelan kawasan:  
.....


Tandatangan

(nama pegawai yang membuat lawatan)

**KAEDAH PENOMBORAN KAWASAN HCVF**


<b>Negeri</b>	<b>Kod</b>	<b>Kod HCVF</b>	<b>Nombor siri HCVF</b>
Johor	J	HCVF – B HCVF – E HCVF – P HCVF – K	J-HCVF-B01 @ E01 @ P01 @ K01 dan seterusnya
Kedah	K		K-HCVF-B01 @ E01 @ P01 @ K01 dan seterusnya
Kelantan	D		D-HCVF-B01 @ E01 @ P01 @ K01 dan seterusnya
Melaka	M		M-HCVF-B01 @ E01 @ P01 @ K01 dan seterusnya
Negeri Sembilan	N		N-HCVF-B01 @ E01 @ P01 @ K01 dan seterusnya
Pahang	C		C-HCVF-B01 @ E01 @ P01 @ K01 dan seterusnya
Perak	A		A-HCVF-B01 @ E01 @ P01 @ K01 dan seterusnya
Perlis	R		R-HCVF-B01 @ E01 @ P01 @ K01 dan seterusnya
Pulau Pinang	P		P-HCVF-B01 @ E01 @ P01 @ K01 dan seterusnya
Selangor	B		B-HCVF-B01 @ E01 @ P01 @ K01 dan seterusnya
Terengganu	T		T-HCVF-B01 @ E01 @ P01 @ K01 dan seterusnya
Wilayah Persekutuan	W		W-HCVF-B01 @ E01 @ P01 @ K01 dan seterusnya

**PEMASANGAN TIANG SEMPADAN DI KAWASAN HUTAN MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN YANG TINGGI (HCVF)**




TIANG SEMPADAN YANG PERLU DIPASANG IALAH = T<sub>1</sub>, T<sub>2</sub>, T<sub>3</sub>, T<sub>4</sub>  
JUMLAH = **4 TIANG**

**SPESIFIKASI TIANG SEMPADAN HUTAN MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN  
YANG TINGGI (HCVF)**



**PAPAN TANDA HCVF**



Catatan papan tanda HCVF:

Latar belakang warna kuning (INCA Yellow atau setara dengannya)

Tulisan warna hitam

Jabatan Perhutanan Negeri

Ukuran saiz 180cm x 80cm

Tinggi 2m dari aras tanah

**LAPORAN PEMERIKSAAN KE ATAS KAWASAN HUTAN MEMPUNYAI NILAI  
PEMELIHARAAN YANG TINGGI (HCVF)**

Tarikh pemeriksaan: .....

No. HCVF: .....

No. Kompartmen: .....

Nama HSK: .....

Daerah hutan: .....

Negeri: .....

1. Nama dan jawatan ketua pasukan: .....
2. Nama dan jawatan ahli-ahli pasukan:
  - a) .....
  - b) .....
  - c) .....
  - d) .....
3. Jumlah bilangan kompartmen sebenar: .....
4. Bilangan dan nombor kompartmen yang diperiksa: .....
5. Anggaran peratus sempadan yang diperiksa:  
(Tandakan di atas pelan, sempadan yang dilalui semasa pemeriksaan)
6. Terangkan keadaan sempadan dan kebersihannya: .....
7. Terdapat pencerobohan/kerosakan atau tidak? Jika ada terangkan dan tandakan di atas pelan. (pencerobohan/kerosakan termasuklah oleh penerokaan haram, penambangan haram, ribut, kebakaran atau sebab-sebab lain).  
.....  
.....  
.....  
.....

8. Cara perhubungan asal ke kawasan berkenaan (sama ada boleh sampai dengan pacuan empat roda, berjalan kaki atau cara-cara lain)  
.....  
.....

9. Jika berjalan kaki nyatakan jauhnya
  10. Nyatakan cara perhubungan semasa pemeriksaan (jika berbeza dari cara asal disebabkan kerosakan jalan atau sebagainya)
- .....  
.....  
.....

11. Nyatakan pemerhatian-pemerhatian lain mengenai HCVF tersebut, jika ada
- .....  
.....  
.....

12. Cadangan-cadangan jika ada
- .....  
.....  
.....

Tandatangan ketua pasukan

(nama ketua pasukan)

#### ULASAN PEGAWAI HUTAN DAERAH

#### TANDATANGAN

(NAMA PEGAWAI HUTAN DAERAH)

**LAPORAN HENDAKLAH DISERTAKAN DENGAN PELAN YANG MENUNJUKKAN**  
**JALAN YANG DIIKUTI SEMASA PEMERIKSAAN DAN PERKARA-PERKARA LAIN**  
**YANG BERKAITAN**

**RINGKASAN MAKLUMAT**

**HUTAN MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN YANG TINGGI (HCVF)**

No. HCVF	Hutan Simpan Dan No. Kompt.	Tarikh Penubuhan	Tarikh dan No. Pewartaan	Luas	Ketinggian (a.p.l)	Perhubungan	Sejarah	Jenis Hutan	Komposisi Hutan	Tujuan Penubuhan	Aktiviti - aktiviti	Ciri-ciri Istimewa	Catatan